

SIARAN MEDIA

MRT CORP ANUGERAH KONTRAK PEMBINAAN TEMPAT LETAK KERETA BERTINGKAT DAN SISTEM

Kemajuan projek adalah 45.6% siap, 11 pakej tender belum diagihkan

Kuala Lumpur, 23 Jun 2014: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah menganugerahkan lima lagi kontrak untuk Projek MRT Lembah Klang Laluan Sungai Buloh-Kajang, dengan jumlah nilai RM 519.5 juta.

Penganugerahan kontrak telah dibuat oleh Jawatankuasa Perolehan Sehati (One-Stop Procurement Committee - OSPC) pada 17 Jun 2014 yang lalu, dipengerusikan oleh YB Dato' Seri Ahmad Husni Hanadzlah, Menteri Kewangan II.

Jawatankuasa tersebut telah menganugerahkan kontrak untuk pembekalan, perolehan, pemasangan, pengujian dan pentauliahan sistem eskalator dan travelator stesen bawah tanah kepada syarikat Kone Elevator (M) Sdn Bhd. Nilai kontrak tersebut ialah RM68 juta.

Kontrak untuk membina dan menyiapkan pembinaan bangunan tempat letak kereta bertingkat, kerja-kerja luaran dan kerja-kerja lain yang berkaitan di Stesen Taman Bukit Mewah dianugerahkan kepada syarikat Perkasa Sutera Sdn Bhd. Nilai kontrak tersebut ialah RM128.9 juta.

Sementara itu, kontrak untuk membina dan menyiapkan bangunan tempat letak kereta bertingkat, kerja-kerja luaran dan kerja-kerja lain yang berkaitan di Stesen Taman Saujana Impian telah diberikan kepada syarikat RD Resources Sdn Bhd. Nilai kontrak tersebut ialah RM123.2 juta.

Syarikat Innoseven Sdn Bhd pula dianugerahkan dengan kontrak untuk membina dan menyiapkan bangunan tempat letak kereta bertingkat, kerja-kerja luaran dan kerja-kerja lain yang berkaitan di Stesen Taman Koperasi. Nilai kontrak tersebut ialah RM123.2 juta.

Kontrak yang kelima untuk membina dan menyiapkan bangunan tempat letak kereta bertingkat, kerja-kerja luaran dan kerja-kerja lain yang berkaitan di Stesen Seksyen 16 diberi kepada syarikat Budaya Restu Sdn Bhd. Nilai kontrak tersebut ialah RM83.4 juta.

Dengan penganugerahan kelima-lima kontrak ini, sebanyak 74 pakej kerja daripada jumlah 85 pakej kerja telah diagihkan kepada kontraktor untuk MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang.

"Kemajuan Projek MRT adalah baik dan berada pada tahap 45.6% siap untuk pembinaan jajaran bertingkat dan bawah tanah, setakat 31 May 2014. Tambahan pula, pembinaan laluan bawah tanah juga menunjukkan perkembangan yang sangat signifikan, yang kini 61.5% siap," Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Datuk Wira Azhar Abdul Hamid berkata.



"Dengan penganugerahan lima kontrak ini, masih tinggal 11 pakej kerja untuk diagihkan. Semua baki kontrak akan diagihkan dalam tahun ini juga," tambah beliau.

Beliau sekali lagi menyuarakan keyakinan bahawa MRT Corp akan dapat mencapai sasaran agar fasa pertama akan beroperasi pada bulan Disember 2016, dan fasa kedua pula pada bulan Julai 2017. Fasa pertama akan beroperasi dari Stesen Sungai Buloh ke Stesen Semantan. Fasa kedua melibatkan tujuh buah stesen bawah tanah dan stesen jajaran bertingkat selebihnya, menuju ke Stesen Kajang.

**JADUAL PENGANUGERAHAN TENDER OLEH JAWATANKUASA PEROLEHAN SEHENTI (OSPC)
17 Jun 2014**

No	Pakej	Pemenang Tender	Harga Tender
1	Pakej ETS-U: Pembekalan, perolehan, pemasangan, pengujian dan pentauliahan sistem eskalator dan travelator untuk semua stesen bawah tanah	Kone Elevator (M) Sdn Bhd	RM68 juta
2	Pakej MSPR6: Membina dan menyiapkan bangunan tempat letak kereta bertingkat, kerja-kerja luaran dan kerja-kerja lain yang berkaitan di Stesen Taman Bukit Mewah.	Perkasa Sutera Sdn Bhd	RM128.9 juta
3	Pakej MSPR11: Membina dan menyiapkan bangunan tempat letak kereta bertingkat, kerja-kerja luaran dan kerja-kerja lain yang berkaitan di Stesen Taman Saujana Impian	RD Resources Sdn Bhd	RM123.2 juta
4	Pakej MSPR8: Membina dan menyiapkan bangunan tempat letak kereta bertingkat, kerja-kerja luaran dan kerja-kerja lain yang berkaitan di Stesen Taman Koperasi	Innoseven Sdn Bhd	RM116 juta
5	Pakej MSPR4: Membina dan menyiapkan bangunan tempat letak kereta bertingkat, kerja-kerja luaran dan kerja-kerja lain yang berkaitan di Stesen Seksyen 16	Budaya Restu Sdn Bhd	RM83.4 juta

TAMAT



Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Cik Nadia Azmi

MRT Corp

03-20813185 / nadia.azmi@mymrt.com.my

En Leong Shen-Li

MRT Corp

03-20813182 / leong.shen-li@mymrt.com.my